

Gabenor Sumatera Barat dahului penerima bintang

UM 19 JUL 2003

SEREMBAN 18 Julai — Gabenor Sumatera Barat, Indonesia Sultan Zainal Bakar mendahului penerima bintang dan pingat sempena hari keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman ke-80.

Beliau menerima bintang Darjah Seri Utama Negeh Sembilan (SPNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Selain beliau, bekas pengerusi Felda yang pertama, Raja Tan Sri Muhammad Alias Mohd. Ali turut menerima darjah tersebut.

Sebanyak dua penerima menerima bintang Darjah Seri Paduka Tuanku Ja'afar Yang Amat Terpuji (SPTJ) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Mereka ialah Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Wira Mohd. Shahrom Nordin dan menantu bongsu baginda, Tunku Datin Seri Mimi Wahida Tunku Wahman.

Sementara itu, seramai 27 penerima mendapat Darjah Datuk Setia Negeri Sembilan (DSNS) yang membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sukan, Belia dan Pendidikan negeri, Zakaria Nordin, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perpaduan negeri, T. Rajagopalu, Pengerusi Jawatankuasa

Bertindak Sosial, Pembangunan Masyarakat dan Wanita negeri, Norhayati Omar dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bahau, See Ah Kow.

Turut menerima darjah tersebut ialah Ketua Pengerah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Abd. Mutalib Jelani, Pengerah Perisikan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Abdul Malek Sheikh Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif TM Net, Baharum Salleh, Ketua UMNO Bahagian Rasah, Datuk Mohamad Hasan, Timbalan Pengerah Kementerian Kesihatan, Dr. Narimah Awin, Naib Presiden Tenaga Nasional Berhad, Mohd. Zainal Azirun.

Ketua Pegawai Eksekutif

Bioven Holdings Sdn. Bhd, Mukhriz Mahathir, Timbalan Canselor UKM, Prof. Dr. Md. Ikram Mohd. Said dan Pengerah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) UKM, Prof. Dr. Hood Mohd. Salleh juga menerima darjah DSNS.

Sementara itu, sebanyak 31 penerima pula menerima bintang Darjah Datuk Paduka Tuanku Ja'afar (DPTJ) yang juga membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Setiausaha Politik Menteri Kewangan II, Abdul Mutalib Alias, Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Ahmad Farid Ridzuan, Pengerah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan, Ir. R. Ba-

tumalai, Pengerah dan Pelakon Veteran, Mustanha Maarof, Pakar Telinga, Hujung dan Tekak, HUKM, Prof. Dr. Balwant Singh Gendeh, Ketua Pemuda UMNO Rantau Panjang, Shaari Mat Hussain, Setiausaha Sulit Tuanku Ja'afar, Abdullah Abas dan Penasihat Undang-undang Pulau Pinang, Hinshawati Shariff.

Sebanyak 27 penerima pingat Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS) iaitu Ketua Pendaftar UKM, Basir Elon, Pengetua Sekolah Tengku Ampuan Durah, Datin Kamsiah Saabin, Ketua Wanita UMNO Teluk Kemang, Rohani Yaacob, Pengerah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Mah-